

Pemimpin Agama: Model Ejen Pelaksana Dialog Antara Agama di Malaysia

Religious Leader: Model Agent for Inter-Faith Dialogue Implementation in Malaysia

Khairulnizam Mat Karim (Pengarang Penghubung)
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah,
26700 Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Tel: +609 4552048 Emel: KhairulNizam@uniten.edu.my

Suzy Aziziyana Sali
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah,
26700 Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Tel: +609 4552020 Emel: suzy@uniten.edu.my

Khadijah Mohd Khambali@Hambali
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Lembah Pantai 50603
Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +60192708009 Emel: ijamh@um.edu.my

Abstrak

Pemimpin Agama merupakan kumpulan yang paling penting dalam memastikan pelaksanaan dialog antara agama berjalan dengan lancar sama ada dialog luaran komuniti (inter-dialogue) mahupun dialog dalaman komuniti (intra-dialogue) terutama dalam konteks dialog penyelesaian konflik. Walaubagaimanapun dalam konteks Malaysia kumpulan Pemimpin Agama yang seharusnya berperanan sebagai ejen dalam konteks penyelesaian konflik tidak wujud dan dialog antara agama yang berperanan sebagai platform untuk berbincang secara serius dan mendalam berkaitan isu antara agama tidak berlaku. Maka kesannya, isu-isu hubungan antara agama tidak pernah surut bahkan ada di antaranya berulang semenjak tahun 80 an lagi. Oleh itu berdasarkan kajian-kajian model dialog di peringkat antarabangsa didapati kumpulan pemimpin agama sangat relevan dan signifikan untuk menjadi ejen dialog penyelesaian konflik. Maka dengan berdasarkan kajian-kajian tersebut penulis membangunkan satu model di mana kumpulan pemimpin agama dijadikan ejen utama dalam pelaksanaan dialog antara agama dalam konteks

Malaysia dengan mengenalpasti kualiti dan ciri-ciri utama berdasarkan empat rasional iaitu (a) Rasional Normatif (*Normative Rational*), (b) Rasional Sumber Maklumat (*Resources Rational*), (c) Rasional aspek Pentadbiran (*Governance Rational*) dan (d) Rasional Ejen Penyatuan (*Integrative Rational*). Data awal dikumpul melalui edaran Soal Selidik terhadap dua kumpulan responden Pemimpin Agama Islam dan Kristian iaitu menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan (Purposive Sampling) iaitu seramai 73 orang kesemuanya. Dari segi analisa data kajian menggunakan Kaedah Perbandingan Tetap (*Fixed Comparative Method*) dan Kaedah Analisis Matriks (*Matrix Analysis Method*) dan huraian adalah bersifat deskriptif. Hasil utama yang diperolehi adalah, kualiti dan ciri-ciri utama yang perlu ada dalam kalangan pemimpin agama untuk diangkat sebagai ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia bersama gabungan Empat Rasional berdasarkan kajian antarabangsa adalah, (1) Berilmu (*Knowledgeable*): terutama dalam memahami dan mengaplikasi konsep dialog antara agama. (2) Berpengalaman (*Well Experienced*): terutama dalam aktiviti dialog antara agama. (3) Personaliti yang baik (*Good*

Personality –Religious): terutama mempunyai tahap keagamaan yang tinggi terhadap agama yang dianuti. (4) Mempunyai Hubungan Sosial yang baik (*Good Relationship Building*): terutama mampu membina hubungan yang baik dalam konteks masyarakat plural seperti di Malaysia.

Katakunci: Pemimpin Agama, Model Dialog Antara Agama

Abstract

Religious leader is a vital part in ensuring well implementation of inter-faith dialogue be it external (inter-dialogue) or internal (intra-dialogue) particularly those aiming to resolve conflicts. However, the role of religious leader as agent of conflict resolution within the Malaysian context does not exist, and inter-faith dialogue supposedly serves as discussion platform also share the same fate. An immediate impact was the unending inter-religious issues and some prolonged cases even from the 80's. Following research of dialogue model initiated at international level, it was found that religious leader has profound significant and particularly relevant to serve as agent of dialogue towards conflicts resolution. Through those research, the authors developed a model focussing on religious leaders as agent of inter-faith dialogue implementation in Malaysia. The authors identified expected qualities and features of religious leaders from four basis: (a) normative rationale, (b) resources rationale, (c) governance rationale, and (d) integrative rationale. Data gathered uses purposive sampling from questionnaire distributed to 73 respondents consisting of two groups, religious leaders of Islam and Christianity. The authors' employs fixed comparative method and matrix analysis in analysing research data, while its composition is descriptive in nature. Regarding the qualities and characteristics expected from religious leaders to become agent of inter-faith dialogue in Malaysia (accompanied with the four basis stated earlier) the main findings were, (1) knowledgeable: understanding and

applying the concept of inter-faith dialogue, (2) well-experienced: active participation in inter-faith dialogue activities, (3) good personality-religious: good religiosity, (4) good relationship building: ability to cultivate good relation with Malaysia's plural society.

Keywords: Religious Leader, Model of Interfaith Dialogue.

Pendahuluan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada kajian utama berkaitan penglibatan pemimpin agama atau ketua agama di Malaysia dalam pelaksanaan dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik. Pemilihan kumpulan pemimpin agama sebagai kumpulan yang seharusnya melaksanakan dialog di peringkat awal berbanding kumpulan-kumpulan lain seperti Badan-badan antara agama (*Interfaith bodies/organisation/network*), Badan Bukan Kerajaan (Berkonsep Agama dan selain berciri agama), Ahli Akademik/Institusi Penyelidikan, Masyarakat Pertengahan (*Middle group*) dan Masyarakat Bawahan (*Grassroot participant*), telah diperjelaskan oleh beberapa pengkaji seperti Khairulnizam & Suzy Aziziyana Sali (2009: 62-63), United State Institute of Peace (2004), Sterland dan Beauclerk (2008), Mohamed Abu-Nimer (2001) dan Lowndes dan Chapman (2005). Kumpulan pengkaji seperti Khairulnizam, Khadijah Khambali dan Suzy Aziziyana (2013: 125-132) juga telah memperincikan dan memperkukuhkan lagi teori mengapa kumpulan pemimpin agama sangat penting dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik dengan meneliti perbincangan pengistilahan perkataan pemimpin agama sehingga dapat membangunkan konsep utama pemimpin agama yang ideal daripada ciri-ciri yang wujud daripada istilah tersebut. Ciri-ciri itu meliputi keupayaan (1) Kualiti Fizikal Dalaman dan Luaran (seperti berpengalaman, mampu untuk memimpin, mengetuai, menerajui dan mengawasi perjalanan sesebuah organisasi, kumpulan dan kaum di bawah pimpinannya dengan baik termasuk kepimpinan keagamaan.

(2) Kualiti Keagamaan dan Kualiti Kerohanian (*Religious and Spiritual Quality*) seperti mempunyai dan memahami konsep asas-asas Islam di dalam diri mereka iaitu Akidah, Shari'ah dan Akhlak. Di antara ciri-ciri tersebut adalah seperti (a) mempunyai kepercayaan dan keimanan kepada Tuhan, (b) tunduk dan patuh segala perintah agama, (c) taat beribadah, wara' dan (d) mempunyai hubungan baik sesama manusia. (3) Berautoriti dan Berwibawa (*Principle of Authoritative*): kualiti ini dilihat dari sudut kewibawaan pemimpin agama untuk memimpin, memutuskan sesuatu keputusan serta mampu untuk menjadi kuasa penentu dan pengimbang dalam apa jua keadaan atau situasi. Dapatan kajian pengistilahan ini juga telah disokong dengan dapatan kajian lapangan oleh pengkaji lain dengan membangunkan rasionaliti kepentingan kumpulan pemimpin agama terlibat dalam dialog antara agama di peringkat awal dalam kontek bernegara. Di antara rasional tersebut adalah (1) Rasional Normatif (*Normative Rational*), (2) Rasional Sebagai Sumber Maklumat (*Resources Rational*), (3) Rasional Ejen Penyatuan (*Integrative Rational*). (Vivien Lowndes dan Racheal Chapman 2005: 10-35; Yasril Yazid 2005: 422-424; B. Cairns *et al.* 2005; T. Reith 2003; Farnell *et al.* 2003 dan J. Lewis 2001). Khairulnizam, Suzy Aziziyana dan Khadijah Khambali (2014) sekali lagi memperincikan kajian mereka dengan menghuraikan bahawa Islam turut memberi penekanan yang jelas terhadap peranan yang harus dilaksanakan oleh kumpulan pemimpin agama dalam dialog antara agama sama ada *intra dialogue* (dialog dalaman komuniti) mahupun *inter dialogue* (dialog luaran komuniti) terutama ke arah dialog penyelesaian konflik.

Dalam membangunkan sebuah model iaitu model pemimpin agama sebagai ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia, penulis telah meneliti beberapa kajian khususnya kajian model-model dialog antara agama dalam dan luar Malaysia untuk disandarkan sebagai asas pembentukan sebuah model. Sebuah kajian oleh Khairulnizam dan Suzy Aziziyana (2012) terhadap responden yang terdiri daripada ketua-

ketua organisasi agama mendapati bahawa kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama menyumbang kepada hubungan sosial yang baik di kalangan ketua organisasi agama seterusnya memberi impak positif terhadap kejayaan sesebuah program dialog. Di antara faktor yang menyumbang adalah (1) tahap pendidikan responden (termasuk tahap pendidikan agama), (2) latar belakang pekerjaan, (3) sumber pengetahuan terhadap dialog dan (4) pengalaman dalam aktiviti dialog. Manakala kajian-kajian model dialog luar negara pula seperti Wati Longchar(2009); Bill Sterland dan John Beauclerk(2008); M.J. Fitzsimmons(2008); Nicholas Doctor(2008); Anna Halsall dan Bert Roebben(2006); Vivien Lowndes dan Racheal Chapman(2005) United State Institute of Peace(2004); Marci Moberg(2003); dan Mohamad Abu Nimer(2001), telah merumuskan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan dialog serta memberi kesan terhadap hubungan sosial dalam model-model dialog tersebut adalah (1) tahap keagamaan, (2) faktor politik, (3) faktor tuntutan semasa (organisasi yang menaungi pendialog) dan (4) faktor prestij. Maka dengan dapatan kajian model-model dialog sedia ada dalam dan luar negara, penulis telah menggabungkan seluruh faktor tersebut untuk digunakan dalam kerangka kajian ini iaitu dengan memberi fokus kepada faktor-faktor kejayaan sesebuah dialog dengan melibatkan peranan kumpulan pemimpin agama sebagai ejen utama. Di antara faktor-faktor tersebut adalah, Faktor 1 (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama, (2) Faktor 2 (F2): Pengalaman dalam aktiviti dialog, Faktor 3 (F3): Tahap Keagamaan, Faktor 4 (F4): Tuntutan Semasa (organisasi menaungi responden), Faktor 5 (F5): Faktor politik dan Faktor 6 (F6): Faktor prestij. Jadual 1 di bawah adalah rumusan analisa yang dijalankan oleh penulis terhadap 14 Model Dialog Antara Agama.

Jadual 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dialog dan juga kefahaman terhadap dialog antara agama termasuk faktor mempengaruhi kesan terhadap hubungan sosial

Bil	Nama pengkaji/ Organisasi dan Tahun	Jenis Model Dialog	Jenis Faktor/Dimensi	Bilangan Faktor / Dimensi
1.	Mohamad Abu-Nimer (2001)	1.) Training Model of Interreligious Peacebuilding	1. Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan	1
2.	Marci Moberg (2003)	2.) Experiential Encounter Model	1. Pengalaman dalam Dialog/ Hubungan Antara Agama 2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	2
3.	United States Institute of Peace (2004)	3.) Model for Elites(Top Religious Leaders)	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Pengalaman dalam dialog/ Hubungan Antara Agama 3. Tahap Keagamaan 4. Tuntutan Semasa(Organisasi)	4
		4.) Tolerance Model of Dialogue	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
		5.) Model for Religious Leader(Local Religious Leader)	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Pengalaman dalam dialog/ Hubungan Antara Agama 3. Tahap Keagamaan 4. Tuntutan Semasa(Organisasi)	4
		6.) Model for Grassroot (Youth Leader)	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
		7.) Grand Gesture Model	1. Faktor Politik 2. Prestij(Bentuk Program & Jawatan di sandang)	2
4.	Vivien Lowndes & Rachael Chapman (2005)	8.) Faith Group Model	1. Tuntutan Semasa(Organisasi) 2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 3. Tahap Keagamaan	3
5.	Anna Halsall & Bert Roebben (2006)	9.) Education System Model(Religious Education)	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
6.	Nicholas Doctor	10.) Multi-Tract Diplomacy Model	1. Faktor Politik 2. Tuntutan Semasa(Organisasi) 3. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	3
7.	Michael James Fitzsimmons (2008)	11.) Hospitality Model of Dialogue (Based on Christianity)	1. Tahap Keagamaan 2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	2
8.	Bill Sterland & John Beauclerk (2008)	12.) Peace Building Model	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
9.	Wati Longchar (2009)	13.) Education System Model(Theological Education)	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	1

10.	Khairulnizam dan Suzy Aziziyana(2012)	14.) Kefahaman Konsep Asas Dialog dan Kesan Terhadap Hubungan Sosial	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Pengalaman dalam dialog/ Hubungan Antara Agama 3. Tahap Keagamaan	3
-----	---------------------------------------	--	--	---


Sumber: Rumusan analisa yang telah dilakukan oleh penulis terhadap 14 Jenis Model Dialog Antara Agama yang diperolehi literatur kajian.

Kerangka Kerja Kajian dan Kerangka Penetapan Responden

Dengan bersandarkan kepada kerangka kerja kajian Khairulnizam dan Suzy Aziziyana (2012) dan penyesuaian berdasarkan kajian literatur terkini maka penulis telah membina satu kerangka kajian baru dengan memberi fokus kepada pengukuran kefahaman konsep asas dialog antara agama dan kesan terhadap hubungan sosial dalam kalangan kumpulan pemimpin agama. (Rujuk Gambarajah 1) Dalam kajian ini penulis menggunakan pendekatan

induktif iaitu responden adalah terdiri hanya daripada kumpulan pemimpin agama Islam dan Kristian di Malaysia. Penetapan responden pemimpin agama ini adalah berdasarkan proses diagnosis yang dilakukan oleh penulis dalam konteks pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia. Diagnosis tersebut diberi nama *Diagnostic RL (Religious Leader)*(Rujuk Kotak 1). Maka bersandarkan dapatan kajian ini penulis akan dapat membangunkan model awal dengan memberi penekanan kepada kriteria atau ciri utama pemimpin agama yang diperlukan sebagai ejen dialog antara agama di Malaysia.

Gambarajah 1.: Diagram di bawah adalah rangka kerja penyelidikan dan metodologi yang akan diaplikasi dalam keseluruhan penyelidikan.



Sumber: Kerangka penyelidikan di atas ini adalah dibangunkan berdasarkan kepada masalah kajian dan literatur kajian

Rasional Penglibatan Pemimpin Agama	Normatif	Sumber Maklumat	Pentadbiran	Ejen Penyatuan
Elemen Rasional	Komitmen bersepadu Beridentiti unggul Bersifat pelbagai	Modal Insan Modal Sosial Modal Fizikal	Partisipasi/Penyertaan Mewakili agama Kepimpinan	Mediator Juru cakap
Sumbangan dalam masyarakat majmuk	<u>Role Model/Motivasi:</u> Pengaruhi masyarakat dalam bentuk hubungan antara agama / dialog	<u>Rujukan/Tempat bergantung:</u> Menambah efahaman masyarakat	<u>Hasil:</u> Membangun Platfom Dialog <ul style="list-style-type: none"> formal tidak formal 	<u>Matlamat:</u> Perpaduan Masyarakat Penyelesaian Konflik Kesatuan Kerakyatan
Cabaran kepada Pembuat Dasar	<ul style="list-style-type: none"> Kefahaman Aspek Agama yang tinggi Kepelbagaian ideologi/ pemikiran Wujud Konflik 	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruhi masyarakat Pengaruh Politik 	<ul style="list-style-type: none"> Penentuan Ketua Menentukan/Menilai Pemberian Mandat Wujud keperluan pemberian insentif 	<ul style="list-style-type: none"> Lahirkan ideologi baru Mampu lahirkan pengaruh/kumpulan
Cabaran kepada Jaringan Kumpulan Pemimpin-pemimpin Agama	<ul style="list-style-type: none"> Kurang kefahaman konsep asas dialog/ matlamat Masalah Mengimbangi Komitmen kepada agama sendiri/ tugas 	<ul style="list-style-type: none"> Ketidaktepatan maklumat Memperbaharui. Meningkatkan keilmuan Keperluan peka kepada realiti semasa 	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan jaringan / wakil/sokongan Meningkatkan pemahaman/keperluan dialog antara agama di kalangan masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> Kecaman melahirkan fahaman pluralisma agama
Pembentukan Intitusi	<ul style="list-style-type: none"> Bentuk program / platfom kesedaran kepentingan hubungan antara agama/penerangan isu-sisu Aktifkan dialog tidak formal/ dialog harian kalangan masyarakat (intra dialog) 	<ul style="list-style-type: none"> Penjanaan sumber institusi 	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan kepada latihan kepimpinan agama hal-hal hubungan antara agama Sokongan kerajaan (dalaman) Keperluan infrastruktur dilalog atau hubungan antara agama Aktifkan dialog tidak formal kalangan pemimpin agama/ komunikasi berterusan 	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan luar daripada kerajaan Keperluan bina satu platfom menyatukan seluruh wakil pemimpin agama Pemantauan berterusan/bukan ketika wujud konflik sahaja

Pemimpin Agama Konteks Malaysia (Kontek Perlembagaan, Enakmen dan Struktur Kristian)	Islam: Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan/Wakil Majlis/ Jab. Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber kefahaman asas-asas hubungan antara agama • Sumber penyelesaian isu-isu/konflik antara agama 	<ul style="list-style-type: none"> • AJK Fatwa Kebangsaan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia • Majlis Agama /Jabatan Agama Negeri 	Perlu menyertai Majlis Antara Agama/Forum yang ditubuhkan oleh Kerajaan.
	Kristian: Paderi & AJK di peringkat Nasional	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber kefahaman asas-asas hubungan antara agama • Sumber penyelesaian isu-isu/konflik antara agama 	Persekutuan Kristian Malaysia <ul style="list-style-type: none"> • Gereja Katolik • Majlis Gereja Se Malaysia • Gereja Evangelical 	

Kotak 1: *Diagnostic RL (Religious Leader)*: dari konseptual ke realiti di Malaysia
 Sumber: Adaptasi dan gabungan oleh penulis berdasarkan model Vivien Lowndes dan Rachael Chapman

Objektif kajian

Objektif kertas kerja ini adalah untuk (1) menganalisa ciri-ciri utama ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia, (2) membentuk model pemimpin agama sebagai ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia. (3) membina model aliran proses pelaksanaan dialog semasa konflik dan dialog secara berkala.

Metodologi

(a) Sampel Kajian.

Kumpulan responden yang ditetapkan berdasarkan kerangka penetapan responden berdasarkan *Diagnostic RL (Religious Leader)* sepertimana dalam Kotak 1. Bagi responden Islam adalah (1) Ahlijawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang terdiri daripada para Mufti

setiap negeri, ahli lantikan pakar bidang agama dan bidang terpilih dan (2) Pegawai Agama Bahagian Dakwah Negeri bagi responden Islam. Manakala bagi responden Kristian adalah (1) Ahlijawatankuasa Tertinggi Majlis Gereja-Gereja seMalaysia (CCM) yang terdiri daripada para Paderi dan (2) Ahli Bersekutu dan Gabungan Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia (CCM) juga terdiri daripada para Paderi dan Ketua-ketua organisasi. Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia (CCM) juga adalah ahli Persekutuan Kristian Malaysia di mana terdapat Ahli Tertingginya menjadi Ahlijawatankuasa Persekutuan Kristian Malaysia di peringkat nasional. Di dalam kaedah penyelidikan, prosedur penyelidikan ini dikategorikan sebagai Persampelan Bertujuan (*Purposive sampling*) (Chua Yan Piaw, 2006, Berg, 2009; dan Merriam, 1998) iaitu merujuk kepada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri dan faktor-faktor tertentu untuk dipilih sebagai responden.

Jadual 2 di bawah menunjukkan populasi sampel yang sebenar dan populasi sampel yang diperolehi semasa proses pengumpulan data melalui kaedah soal selidik.

Responden	Kategori Responden	Jumlah Populasi Mengikut Kategori	Jumlah Populasi Responden	Jumlah dapatan sampel mengikut kategori	Jumlah dapatan sampel keseluruhan	Peratus dapatan sampel
Responden Islam	AJK Fatwa Kebangsaan	22	36	22	36	100%
	Pegawai Agama Dakwah Negeri	14		14		
Responden Kristian	Paderi(AJK Tertinggi CCM dan Ahli CCM)	24	37	15	28	76%
	Ketua, Ahli Bersekutu & Gabungan CCM	13		13		
JUMLAH			73		64	88%

Merujuk kepada Jadual 2 di atas sampel yang diperolehi daripada responden Pemimpin Agama Islam dan Kristian adalah 36 dan 28 responden dan keseluruhan populasi responden adalah seramai 64. Berdasarkan kepada pengiraan populasi-sampel, Krejcie dan Morgan sebagaimana yang dihuraikan oleh Chua Yan Piaw (2006) dalam “Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)”, jika (1) populasi kajian adalah 70 maka sampel yang terbaik adalah 59. Manakala jika populasi seramai 75 maka sampel terbaik adalah 63 responden. Maka dengan jumlah populasi kajian dan sampel yang telah dikumpul oleh penulis dalam kajian ini iaitu 73 – 64 maka ia berada di tengah-tengah jadual penentuan saiz sampel dan jumlah itu mempunyai kesahan yang tinggi dengan 88% (64 responden daripada 73 jumlah populasi) untuk data-data tersebut dianalisa.

(b) Pengumpulan data soal selidik.

(i) Data soal selidik pemimpin agama Islam: borang soal selidik diedarkan dengan bantuan dan kerjasama Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM). Manakala kaedah pos telah digunakan terhadap responden Pegawai Agama Bahagian Dakwah

Negeri. (ii) Data soal selidik pemimpin agama Kristian: borang soal selidik telah diedarkan kepada setiap responden dengan kaedah pos kepada alamat responden sebagaimana diperolehi di dalam laman sesawang Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia. (c) Analisa data Penulis menggunakan dua kaedah untuk menganalisa data iaitu (1) Kaedah Perbandingan Tetap dan (2) Kaedah Analisis Matriks di mana amat bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan di mana kaedah ini telah digunakan oleh Khairulnizam Mat Karim dan Suzy Aziziyana Saili (2012), Jeanne Bee-Tin Lian (2010) dan Ghazali Basri (1988).

Hasil dan Perbincangan

Kertas kerja ini tidak akan membincangkan dapatan kajian secara khusus terhadap dapatan kefahaman dan kesan hubungan sosial responden Islam dan Kristian tetapi hanya akan meneliti analisa daripada dapatan tersebut kerana fokus kertas kerja ini adalah untuk membentuk model daripada dapatan keseluruhan kajian sahaja. Untuk huraian dapatan kajian kefahaman responden terhadap konsep asas dialog antara agama dan kesan hubungan sosial rujuk

Khairulnizam, Khadijah Khambali dan Suzy Aziziyana (2014).

Maka untuk membentuk model ejen dialog penulis telah melakukan satu diagnosis terhadap dapatan kajian kefahaman dan kesan hubungan

sosial responden seperti dalam Jadual 3 di bawah. Diagnosis itu diberinama *Diagnostic Understanding on Interfaith Dialogue Basic Concept and Effects to Social Relation (Diagnostic Understanding IFD-SR)*

Jadual 3: Diagnostic Understanding IFD-SR

Kategori Responden	Tahap Kefahaman	Purata Keseluruhan Kefahaman	Faktor Kefahaman	Kesan Hubungan Sosial		Faktor Kesan	Purata Setiap Kumpulan Kesan Hubungan Sosial	Purata Keseluruhan Kesan Hubungan Sosial Islam & Kristian		
AJK Fatwa Kebangsaan	Faham (F)	Faham (F)	F1	K1	Rendah (R)	F4	Sederhana (SD)/ Pertengahan	Sederhana (SD)/ Pertengahan		
				K2	Sederhana (SD)/ Pertengahan	F1, F2, F3				
			F2	K3	Sederhana (SD)/ Pertengahan	F1, F2, F3, F4				
				K4	Sederhana (SD)/ Pertengahan	F1, F2, F3, F4, F5				
				K5	Tinggi (T)	F4				
Pegawai Agama Dakwah Negeri	Faham (F)		Faham (F)	F1	K1	Rendah (R)	F4		Tinggi (T)	Sederhana (SD)/ Pertengahan
					K2	Sederhana (SD)/ Pertengahan	F1, F2, F3			
				F2	K3	Sangat Tinggi (ST)	F1, F2, F3, F4			
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5			
					K5	Tinggi (T)	F4			
Paderi(Ahli CCM)	Sangat Faham (SF)	Faham (F)		F1	K1	Tinggi (T)	F4	Tinggi (T)	Tinggi (T)	
					K2	Rendah (R)	F1, F2, F3			
				F2	K3	Santa Tinggi (ST)	F1, F2, F3, F4			
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5			
					K5	Tinggi (T)	F4			
Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu & Gabungan CCM)	Tidak Pasti (TP)		Faham (F)	F1	K1	Sangat Rendah (SR)	F1	Tinggi (T)		Tinggi (T)
					K2	Rendah (R)	F1, F2, F3			
					K3	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4			
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5			
					K5	Tinggi (T)	F4			

Petunjuk:

Faktor Kefahaman (F)	Purata keseluruhan adalah dalam Kategori “Faham” bagi responden Islam dan Kristian
F1	Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan
F2	Pengalaman dalam Dialog Antara Agama
F3	Tahap Keagamaan
F4	Tuntutan Semasa Organisasi
F5	Tuntutan Politik
Kesan hubungan social (K)	Purata Kesan Hubungan Sosial bagi responden Islam adalah dalam kategori “Sederhana/Pertengahan” dan responden Kristian dalam kategori “Tinggi”
K1	Interaksi Sosial
K2	Sikap Eksklusif
K3	Sikap Altruistik
K4	Kerjasama dalam penyelesaian konflik
K5	Hal-hal dakwah dan misionari


Daripada Jadual 3 di atas, kajian menunjukkan bahawa; (1) Secara perbandingan tahap kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama adalah sama iaitu pada tahap “Faham (F)”. (2) Terdapat hanya tiga faktor yang mempengaruhi kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama iaitu Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama dan Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan. (3) Tahap Pendidikan, Pendidikan Agama dan Proses Pendidikan iaitu pendidikan formal sebagai medan utama untuk mendapatkan maklumat mengenai dialog antara agama adalah saling berkaitan, selari dan amat penting dalam menentukan tahap kefahaman yang baik di kalangan Pemimpin Agama Islam dan Kristian. (4) Secara perbandingan tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Kristian adalah lebih baik berbanding Pemimpin Agama Islam iaitu tahap “Tinggi (T)” berbanding tahap “Sederhana (SD)”. (5) Secara keseluruhan terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian iaitu Faktor Pertama (1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama, Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan, Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi) dan Faktor Kelima (F5): Faktor Politik. (7) Secara perbandingan tahap “Sederhana (SD)” kesan hubungan sosial yang diperolehi oleh Pemimpin Agama Islam banyak dipengaruhi oleh Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi). Manakala tahap “Tinggi (T)” yang diperolehi oleh Pemimpin Agama Kristian banyak dipengaruhi secara seiring oleh Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan dan Faktor (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi). (8) Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama dengan kesan hubungan sosial di kalangan Pemimpin Agama

Islam dan Kristian.

Pemimpin Agama: Pembentukan Awal Model Ejen Dialog Antara Agama Di Malaysia

Maka selepas kajian dijalankan, laporan kajian menunjukkan bahawa teori *Diagnostic Religious Leader (Diagnostic RL)* dalam Kotak 1 sebagaimana yang dibangunkan oleh penulis iaitu daripada konseptual kepada realiti di Malaysia adalah selari dengan *Diagnostic Understanding on Interfaith Dialogue Basic Concept and Effects to Social Relation (Diagnostic Understanding IFD-SR)* yang penulis bangunkan selepas analisa dibuat sebagaimana dalam Jadual 3. Justeru berdasarkan analisa ini, satu model ejen dialog dapat dibangunkan dengan merujuk kepada kerangka di Malaysia yang penulis namakan sebagai Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(MA_IFD). Model ini mengetengahkan kumpulan pemimpin agama sebagai ejen utama dalam pelaksanaan dialog antara agama dan secara khusus dalam dialog penyelesaian konflik. Analisa yang dijalankan kepada faktor yang mempengaruhi kefahaman responden dan kesan terhadap hubungan sosial dapat membangunkan ciri-ciri penting yang diperlukan bagi seorang ketua agam yang melayakkan mereka menjadi ejen bagi pelaksanaan dialog antara agam terutama dialog penyelesaian konflik. Ciri-ciri tersebut adalah (1) Berilmu (*Knowledgeable*): secara khusus adalah mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam konsep dialog antara agama. Elemen ini mewakili (a) Tahap Pendidikan yang Tinggi, (b) Mempunyai Tahap Pendidikan Agama dan (c) Melalui proses pendidikan formal dalam memperolehi pengetahuan berkaitan dengan dialog antara agama. (2) Berpengalaman (*Well Experienced*): Elemen ini mewakili (a) berpengalaman dalam pelaksanaan dialog antara agama sama ada sebagai (i) panel dialog atau pakar rujuk, (ii) menyertai program-program dialog antara agama dan (iii) berpengalaman menganjurkan dialog antara agama. (3) Personaliti yang baik (*Good Personality – Religious*): Elemen utama adalah mempunyai

tahap keagamaan yang baik. (4) Mempunyai hubungan sosial yang baik. Elemen ini harus mempunyai minimum lima tema seperti fokus kajian ini iaitu (i) Hubungan Sosial dan Interaksi yang baik, (ii) Mempunyai Sikap Eksklusif yang rendah, (iii) Mempunyai Sikap Altruistik yang baik, (iv) Mempunyai Sikap Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik yang baik dan (v) Mempunyai Sikap Kerjasama sekurang-kurangnya memahami bagaimana melaksanakan dakwah dan mubaligh tanpa menimbulkan konflik atau ketegangan agama. Gambarajah 2 di bawah menerangkan ringkasan Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(*MA_IFD*). Pengaplikasian model ini harus juga bersandarkan kepada *Diagnostic Religious Leader (Diagnostik RL)* dalam Kotak 1 sebagaimana yang dibangunkan oleh penulis di peringkat awal kajian.



Gambarajah 2: Model Ejen Dialog Antara Agama

Kesimpulan

Walaupun dari sudut metodologi penyelidikan dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada responden lain iaitu kepada kumpulan pemimpin agama-agama lain di Malaysia. Tetapi dari sudut pembentukan awal dan dijadikan sebagai garis dasar terhadap realiti pelaksanaan dialog antara agama dengan menggunakan metode induktif maka pada pandangan penulis dapatan ini mampu dijadikan sebagai panduan asas pemimpin agama sebagai ejen pelaksanaan dialog di Malaysia. Oleh itu kajian dapat menyimpulkan bahawa ciri-ciri utama yang perlu ada dalam setiap ketua agama yang ingin terlibat di dalam pelaksanaan dialog adalah (1) Berilmu(*Knowledgeable*), (2) Berpengalaman(*Well Experienced*), (3)


Berpersonaliti yang baik(*Good Personality – Religious*) dan (4) Mempunyai hubungan sosial yang baik(*Good Relationship Building*).

Cadangan Proses Pelaksanaan Dialog.


Memandangkan model proses pelaksanaan dialog juga tidak wujud di Malaysia maka dengan dapatan daripada literatur serta dapatan kajian secara khusus penulis dapat membangunkan satu proses standard atau dalam dalam bidang pengurusan disebut sebagai SOP (*Standard of Procedure*). Prosidur pelaksanaan sangat penting agar ia dapat dijadikan satu model rujukan dalam setiap pelaksanaan dialog antara agama sama ada dialog semasa konflik berlaku mahupun dialog berkala. Di bawah ini adalah dua model aliran proses pelaksanaan dialog semasa konflik dan dialog berkala. (Rujuk Gambarajah 3 dan 4 seperti di bawah). Memandangkan pada tahun 2010 satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama(JKMPKA) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional(JPIN) maka penulis mencadangkan jawatankuasa ini berfungsi sebagai mediator kepada pemimpin-pemimpin agama di Malaysia dalam proses pelaksanaan dialog antara agama sama ada secara berkala mahupun dialog penyelesaian konflik. Ini adalah selari dengan fungsi utama jawatankuasa ini ditubuhkan iaitu untuk (1) memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan jalinan hubungan antara badan-badan agama, (2) memantau isu-isu dan masalah berkaitan agama, (3) menyediakan platform untuk menyelesaikan isu dan masalah berkaitan adama dan (4) menyelaraskan tindakan-tindakan penyelesaian isu agama.

Kertas kerja ini adalah sebahagian penyelidikan penglibatan pemimpin agama dalam pelaksanaan dialog antara agama ke arah penyelesaian konflik di Malaysia. Kajian ini ditaja oleh Research Management Centre(RMC), Universiti Tenaga Nasional(UNITEN), Malaysia. Kertas ini juga telah dibentangkan di International Conference On Arabic Studies and Islamic Civilization,

9 – 10 March 2015, Kuala Lumpur, Malaysia.



Gambarajah 3: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Semasa Konflik oleh Pemimpin Agama



Gambarajah 4: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Berkala oleh Pemimpin Agama

Rujukan

- Berg, Bruce L. (2009). *Qualitative Research Method for the Social Sciences*. c.7. Pearson Education Inc, Boston, USA.
- Cairns, B. et al. (2005). *Faithful Regeneration: The Role and Contribution of Local Parishes in Local Communities in the Diocese of Birmingham*. UK: Home Office
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. McGraw- Hill, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Doctor, Nicholas. (2008). *Multi-Track Diplomacy through Enhancing Interreligious Understanding: A case Study in Abrahamic Trialogue between Jordanian and American Students (dissertation to fulfill the partial requirement for Jordan: Moderization and Social Change School for International Training, University of Tulsa, Amman, Jordan)*.
- Farnell et al. *Faith in Urban Regeneration: Engaging Faith Communities in Urban Regeneration*. Bristol: The Policy Press, 2003.
- Fitzsimmons, Michael James. (2008). *The Christian Practice of Hospitality: A Model for Interfaith Dialogue for Presbyterian & Roman Catholic Youth (working paper to fulfill part of the requirement for Degree of Doctor of Ministry Faculty of Pittsburgh Theological Seminary)*.
- Ghazali Basri. (1988). *A Comparative Study on Religious Tolerance in Post-Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian and Muslim Relation*. (PhD Thesis, Aberden University).
- Halsall, Anna & Roebben, Bert. (2006). *Intercultural and Interfaith Dialogue through Education, Religious Education*. 101(4):443-452.
- Jeanne Bee-Tin Lian. (2010). *Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change: A Case Study of a Singapore Religious Leader (Education PhD Thesis, George Washington University, USA)*.
- Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Saili (2009). *Dialog Antara Agama: Perspektif Islam dan Realiti di Malaysia*. Bangi: Pusat Pengajian Islam dan Peradaban.
- _____ (2012). *Measuring religious leaders (Muslim – Non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation: a preliminary*, *The Journal of Islamic Knowledge*, Vol 2. No. 2, March 2012, 22-34.
- Khairulnizam Mat Karim, Khadijah Mohd Khambali & Suzy Aziziyana Saili. (2014). *Religious Leader (Islam & Christianity) Understanding of Inter-Faith Dialogue Basic Concept in Malaysia and Its Effect to Social Relations*, *International Journal Of education and Research*, Vol. 2 No.3, March 2014, 41-54.
- _____. (2013). *An Ideal Concept of Ketau Agama, Religious Leader and Az-zaim Ad-Dini: A Preliminary Linguistic Analysis*, *International Journal of Education and Research*, Vol.1 No.10 October 2013, 125-132.
- _____. (2014). *Role of Religious Leader in Interfaith Dialogue Towards Conflict Resolution: An Islamic Perspective*, *International Journal of Education and Research*, Vol.2 No 6 June 2014, 77-88.
- Lewis, J. (2001). *Faith Hope and Participation: Celebrating Faith Group' role in Neighborhood Renewal*. London: The New Economic Foundation and Church.
- Longchar, Wati. (2009). *Beyond Four Walled Campuses: Model of Ecumenical Theological Education in Interfaith Issues in India*, *International Review of Mission*. Vol. 98. No 1.
- Lowndes, Vivien & Chapman, Racheal. (2005).

“Faith, hope and clarity: Developing a model of faith group involvement in civil renewal”, (Main report: This study is under the programme of the Civil Renewal Research Program handled by the Local Governance Research Unit, De Montfort University Leicester , United Kingdom.)

Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study application in education, c.2*, CA Jossey-Bass, San Francisco, USA.

Moberg, Marci. (2009). *Experiential Encounters: New Model of Interfaith Dialogue*, (Thesis to fulfill part of the Degree of Master of Science di George Mason University).

Mohammed Abu Nimer. (2001). *Conflict Resolution, Culture and Religion: Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding*, *Journal of Peace Research*. Jil.38.London: Sage Publication (Published for International Peace Research Institute, Oslo, Norway).

Reith, T. (2003). *Releasing the resources of the Faith Sector : A Faith works Report*. London: Faith works.

Special Report. (2004). *What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs*. United States Institute of Peace, Washington, USA.

Sterland, Bill & Beauclerk, John. (2008). “*aith Communities as Potential Agents for Peace Building in the Balkans (Analysis of faith-based interventions towards conflict transformation and lasting reconciliation in post-conflict countries of former Yugoslavia)* (Full research report sponsored by Norwegian Church Aid done on 1 October – 31 December 2007).

Yasril Yazid. (2005). *Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama: Kajian Terhadap Konflik Sosial Keagamaan dan Sikap Toleransi Beragama di Indonesia*. (PhD Thesis in Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia).